

# Perutusan Negara tekad PM struktur ekonomi, tingkat kehidupan rakyat



Pensyarah Kanan,  
Jabatan Pengurusan  
Sumber dan  
Pengajian Pengguna,  
Fakulti Ekologi  
Manusia, Universiti  
Putra Malaysia

Oleh Dr Mohd Amim Othman  
bhrencana@bh.com.my

**Pasca** COVID-19 dan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) disusuli PRU15 mencatatkan kerajaan dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mewarisi kerajaan mempunyai dua masalah struktur, iaitu kedudukan kewangan kerajaan lemah serta ekosistem perniagaan hambar.

Dengan jumlah hutang kerajaan tinggi dan jumlah subsidi besar, Perutusan Negara Perdana Menteri Selasa lalu bertujuan menjelaskan kepada rakyat pelbagai inisiatif kerajaan untuk meringankan beban kos sara hidup mereka.

Ia menerusi penyasaran semula subsidi bahan api khususnya diesel, mengurangkan ketirisan akibat rasuah dan usaha mengagihkan semula subsidi menerusi pelbagai program rakyat kepada golongan sepatutnya.

Justeru, negara memerlukan satu pelan utama pembangunan mampan dan kestabilan politik berpanjangan.

Hasilnya, penghujung 2023, kepemimpinan negara mula melancarkan pelbagai pelan dasar bagi menambah baik ekosistem perniagaan dengan keutamaan diberikan untuk meraih lebih banyak pelaburan masuk asing ke dalam ekonomi negara.

Antara fokus utama kerajaan adalah pengenalan Dasar Peralihan Tenaga yang merencanakan lagi pembukaan industri tenaga boleh diperbaharui, lebih-lebih lagi sebagai persediaan Malaysia ke arah penggunaan tenaga bersih.

Ekosistem perniagaan itu sedang diperluas dan ditambah baik antaranya bagi kluster elektronik dan elektronik (E&E) di wilayah utara dan pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura di Johor dan di Kerian, Perak.

Pada Sidang Kemuncak KL20 pada April lalu pula dijadikan medan strategik menarik pelaburan berkualiti. Pelan Tindakan KL20 dijangka menjana penilaian tambahan syarikat pemula niaga mencecah RM400 bilion menjelang 2030.

Pada 2023, kerajaan membelanjakan lebih RM80 bilion bagi keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan, termasuk subsidi pertanian, ban-

tuhan tunai.

Jumlah terbesar perbelanjaan adalah bagi tujuan subsidi kepenggunaan, iaitu berjumlah RM50 bilion termasuk subsidi petrol, diesel dan gas cecair memasak, skim subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik dan subsidi harga ayam serta telur.

Namun, jumlah besar subsidi itu keciciran dan turut dinikmati golongan maha kaya, rakyat asing dan aktiviti penyeludupan haram bahan terbabit di perbatasan negara.

Sebagai langkah awal, kerajaan akan membatalkan subsidi diesel di Semenanjung, namun masih mengekalkan subsidi bersasar kepada rakyat Sabah dan Sarawak serta dalam sektor pengangkutan komersial bagi usaha mengekang kenaikan kadar inflasi.

Pembatalan subsidi itu dijangka menjimatkan wang negara hampir RM4 bilion dan sebahagian diagihkan semula kepada rakyat terkesan dengan kenaikan kadar inflasi.

## Gerakkan usaha kekang amalan rasuah

Antara langkah utama lain sangat signifikan dan perlu digerakkan kerajaan adalah mengekang amalan rasuah dalam kalangan penjawat awam dan ekosistem perniagaan.

Menerusi penekanan terhadap usaha meningkatkan ekonomi negara, beberapa langkah bakal dilaksanakan antaranya, akan meningkatkan kadar cukai semasa daripada purata 12.6 peratus berbanding purata 19 peratus seperti diamalkan di negara Asia Pasifik.

Kedua, mengurangkan beban hutang negara yang kini terpaksa membayar 16 sen daripada setiap RM1 cukai dipungut.

Fokus utama kerajaan adalah meningkatkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi pada tahun mendatang. Peningkatan KDNK lebih tinggi setiap tahun mampu mencapai sasaran Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) untuk menurunkan paras hutang tidak melebihi 60 peratus KDNK dan matlamat pengurangan defisit kepada fiskal 3.0 peratus dalam jangka sederhana.

Selain itu, kerajaan sedar kadar upah diterima pekerja di Malaysia adalah rendah dan sudah lama tidak dinaikkan. Lebih buruk lagi, kemelut gaji rendah pekerja swasta tidak dapat diselesaikan. Bagi meningkatkan gaji rakyat ke tahap lebih bermakna, kerajaan melihat peluang peningkatan kadar upah tinggi kepada pekerja swasta di Malaysia boleh dicapai dengan industri tempatan diberi nilai tambah khususnya sektor semikonduktor yang sedang mendapat tempat di mata dunia.

Seterusnya, kerajaan akan meningkatkan kualiti modal insan dalam industri teknologi maklumat (IT) dan AI, menggerakkan usaha melahirkan usahawan baharu sektor berpertumbuhan tinggi dengan dana RM1 bilion serta memperkenalkan pelbagai inisiatif menambah pendapatan rakyat melalui program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), kenaikan gaji dan elaun penjawat awam serta Dasar Gaji Progresif.

Perutusan Negara seharusnya dilihat sebagai komitmen dan kesungguhan Perdana Menteri menyusun semula struktur ekonomi negara lebih mampan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat lebih baik.

"Dengan jumlah hutang kerajaan tinggi dan jumlah subsidi besar, Perutusan Negara Perdana Menteri Selasa lalu bertujuan menjelaskan kepada rakyat pelbagai inisiatif kerajaan untuk ringankan beban kos sara hidup mereka"